**SULIT**

**MATEMATIK**
**Kertas 2**
**Tahun 6**
**Mei**
**2019**
**1 jam**

# PENTAKSIRAN PERTENGAHAN TAHUN 2019
# TAHUN 6

Nama : …… Kelas : ……

## MATEMATIK
**Kertas 2**

**Satu Jam**

***JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU***

1. *Kertas soalan ini mengandungi 15 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis dengan jelas dalam ruangan yang disediakan dalam kertas soalan.*
4. *Tunjukkan langkah-langkah penting. Ini boleh membantu anda untuk mendapatkan markah.*

| No.Soalan | Markah Penuh | Markah Diperoleh |
|---|---|---|
| 1 | 2 | |
| 2 | 2 | |
| 3 | 3 | |
| 4 | 3 | |
| 5 | 3 | |
| 6 | 4 | |
| 7 | 4 | |
| 8 | 4 | |
| 9 | 5 | |
| 10 | 5 | |
| 11 | 5 | |
| 12 | 5 | |
| 13 | 5 | |
| 14 | 5 | |
| 15 | 5 | |
| **Jumlah** | **60** | |

***Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak***

1. Rajah di bawah menunjukkan sekeping kad nombor.

| 7 546 639 |
|---|

(a) Nyatakan digit yang mewakili nilai tempat ratus ribu.

[1 markah]


(b) Bundarkan nombor pada kad nombor di atas kepada puluh ribu yang terdekat.

1
2

[1 markah]

Portal KSSR

2. Rajah di bawah menunjukkan satu garis nombor.




(a) Cari nombor yang diwakili oleh P.

[1 markah]

(b) Darabkan nombor P dengan 9.

2
2

[1 markah]

3. Jadual di bawah menunjukkan bilangan penduduk dalam tiga bandar.

| Bandar | Bilangan penduduk |
|---|---|
| S | 515 736 |
| T | 573 948 |
| U | 75 364 orang kurang daripada bandar S |

(a) Cari bilangan penduduk dalam bandar U.

[1 markah]

(b) Hitung jumlah penduduk dalam tiga bandar itu.


3

3

[2 markah]

Portal KSSR

4. Rajah di bawah menunjukkan satu garis nombor.




(a) Nyatakan pecahan yang mewakili S.

[1 markah]

(b) Cari nilai bagi T x 500.

4

3

[2 markah]

5. Jadual di bawah menunjukkan isi padu cecair di dalam dua buah bekas, X dan Y.

| Bekas | Isi padu |
|---|---|
| X | $2\frac{4}{5}\ \ell$ |
| Y | $\frac{6}{7}$ daripada isi padu cecair di dalam bekas X |

(a) Tukarkan isi padu cecair , dalam ℓ, di dalam bekas X kepada pecahan tak wajar.

[1 markah]


(b) Hitung isi padu cecair, dalam ℓ, di dalam bekas Y.

5
3

[2 markah]

Portal KSSR

6. Rajah di bawah menunjukkan tiga nilai nombor pada kad yang berlainan bentuk.




(a) Apakah hasil tolak di antara ◯ dengan □ ?

[1 markah]

(b) Kad-kad itu disusun seperti di bawah. Selesaikan.

△ ÷ [ ◯ + □ ] = _____

6
4

[3 markah]

7. Jadual di bawah menunjukkan jisim tiga buah kotak.

| Kotak | Jisim (kg) |
|---|---|
| P | 5.53 |
| Q | 6.835 |
| R | 1.45 kg lebih daripada kotak Q |

(a) Cari jisim kotak R.

[2 markah]

(b) Hitung beza antara jumlah jisim kotak P dan Q dengan kotak R.

7

4

[2 markah]

Portal KSSR

8. Jadual di bawah menunjukkan peratusan agihan pendapatan Hazley dalam tempoh sebulan. Peratusan sewa rumah tidak ditunjukkan.

| Agihan Pendapatan | Peratusan |
|---|---|
| Keperluan harian | 45% |
| Pelbagai | 15% |
| Bil | 12% |
| Simpanan | 8% |
| Sewa Rumah | |

(a) Berapakah peratusan daripada pendapatannya digunakan untuk membayar sewa rumah setiap bulan?

[2 markah]


(b) Setiap bulan Hazley membayar sewa rumahnya sebanyak RM850. Hitung jumlah pendapatan bulanan Hazley.

8

4

[2 markah]


9. (a) Rajah di bawah terdiri daripada beberapa bulatan yang sama besar.



Nyatakan peratus kawasan berlorek daripada seluruh rajah.

[1 markah]

(b) Rajah di bawah menunjukkan harga dan diskaun sebuah kamera.




(i) Hitungkan diskaun bagi kamera itu.

[2 markah]

(ii) Encik Fairus membeli 4 buah kamera yang sama. Berapakah jumlah wang yang perlu dibayarnya?

9

5

[2 markah]

10. (a) Rajah di bawah menunjukkan wang kepunyaan Nazir.




Hitung jumlah wang Nazir.

[1 markah]

(b) Jadual di bawah menunjukkan wang simpanan dua orang murid sebanyak RM10 000 dalam dua buah institusi kewangan yang berbeza.

| Nama | Institusi Kewangan | Dividen |
|---|---|---|
| Hasan | Tabung Haji | 5.5% |
| Azman | ASB | 6.5% |

(i) Berapakah jumlah wang simpanan Hasan selepas setahun?

[2 markah]


(ii) Siapakah yang mempunyai wang simpanan yang paling banyak selepas setahun? Buktikan.

[2 markah]

10

5

11. (a) Rajah di bawah menunjukkan harga dan diskaun sebuah televisyen.




Hitung harga televisyen selepas diskaun.

[2 markah]

(b) Jadual di bawah menunjukkan harga kos dan harga jual penyaman udara dan televisyen.

| Barang | Harga kos | Harga jual |
|---|---|---|
| Penyaman udara | RM1 050 | RM1 550 |
| Televisyen | RM1 500 | |

(i) Berapakah keuntungan yang diperoleh daripada jualah sebuah penyaman udara?

[1 markah]

(ii) Keuntungan daripada jualan sebuah televisyen ialah RM250. Berapakah harga jual televisyen itu?

[2 markah]

11

5

12. Rajah di bawah menunjukkan waktu yang ditunjukkan pada satu muka jam pada suatu petang.




(a) Tulis waktu yang ditunjukkan.

[1 markah]

(b) Kelas tuisyen Wardiah bermula 15 minit selepas waktu yang ditunjukkan pada rajah. Nyatakan waktu kelas tuisyen Wardiah bermula dalam sistem 24 jam.

Portal KSSR

[2 markah]


(c) Kelas tuisyen Wardiah berlangsung selama $2\frac{1}{2}$ jam. Sebelum pulang ke rumah, Wardiah pergi ke rumah kawan dan berada di sana selama 30 minit.
Pada jam berapakah Wardiah pulang ke rumah?

[2 markah]

12

5

13. Rajah di bawah menunjukkan isi padu air di dalam dua buah bekas, P dan Q.




(a) Nyatakan isi padu air di dalam bekas P dalam mℓ.

[1 markah]

(b) Air di dalam bekas P dan bekas Q dituang sama banyak ke dalam 5 biji botol. Hitung isi padu air, dalam mℓ, dalam setiap botol.

Portal KSSR

[2 markah]


(c) Berapakah isi padu air di dalam bekas P yang perlu dituang ke dalam bekas Q supaya kedua-dua bekas mempunyai isi padu air yang sama banyak?

[2 markah]

13

5

14. Rajah di bawah menunjukkan jisim seekor ikan.




(a) Nyatakan jisim, dalam kg, ikan itu.

[1 markah]

(b) Jika seekor ayam mempunyai jisim yang sama seperti ikan pada rajah di atas, berapakah jisim bagi tiga ekor ayam yang sama dalam g?

Portal KSSR

[2 markah]


(c) Harga bagi satu kilogram ikan yang sama adalah RM5.40, berapakah harga bagi ikan di atas?

[2 markah]

14

5

15. Rajah di bawah menunjukkan panjang sehelai reben.





(a) Nyatakan panjang, dalam cm, reben itu.

(b) Azhana menggunakan $\frac{1}{4}$ daripada reben itu untuk mengikat kotak hadiah. Hitung panjang, dalam m, baki reben yang tidak digunakan.

Portal KSSR

(c) Azhana membahagikan baki reben kepada tiga bahagian, X, Y dan Z.




Berapakah panjang, dalam cm, bahagian reben Z?

[2 markah]

15

5

Kertas soalan tamat

## SKEMA JAWAPAN

| Soalan | Langkah Pengiraan | Markah |
|---|---|---|
| 1 | (a) 5 | 1m |
| | (b) 7 550 000 | 1m |
| 2 | (a) P = 25 000 | 1m |
| | (b) 25 000 x 9 = 225 000 | 1m |
| 3 | (a) U = 515 736 - 75 364 = 440 372 | 1m |
| | (b) Jumlah = 515 736 + 573 948 + 440 372 = 1 530 056 | 2m |
| 4 | (a) S = $1\frac{3}{4}$ | 1m |
| | (b) Nilai = $2\frac{1}{4}$ x 500 = 1 125 | 2m |
| 5 | (a) $2\frac{4}{5}\ \ell = \frac{14}{5}\ \ell$ (pecahan tak wajar) | 1m |
| | (b) Isi padu Y = $\frac{6}{7}$ x $2\frac{4}{5}\ \ell = 2\frac{2}{5}\ \ell$ | 2m |
| 6 | (a) 9.23 - 5.24 = 3.99 | 1m |
| | (b) Selesaikan = 72.35 ÷ [9.23 + 5.24] = 5 | 3m |
| 7 | (a) R = 1.45 kg + 6.835 kg = 8.285 kg | 2m |
| | (b) Beza = (5.53 + 6.835) - 8.285 = 4.08 kg | 2m |
| 8 | (a) Peratusan sewa rumah = 100 - (45+15+12+8) = 20% | 2m |
| | (b) Jumlah pendapatan = RM850 x 5 = RM4 250 | 2m |
| 9 | (a) Peratus berlorek = 40% | 1m |
| | (b) (i) Diskaun = $\frac{20}{100}$ x RM1 650 = RM330 | 2m |
| | (ii) Jumlah bayaran = RM1 320 x 4 = RM5 280 | 2m |
| 10 | (a) RM201.70 | 1m |
| | (b) Jumlah wang Hasan = $\frac{105.5}{100}$ x RM10 000 = RM10 550 | 2m |
| | (c) Wang Azman = $\frac{106.5}{100}$ x RM10 000 = RM10 650 (Azman paling banyak wang) | 2m |
| 11 | (a)Harga selepas diskaun = $\frac{70}{100}$ x RM1 500 = RM1 050 | 2m |
| | (b) (i) Untung aircond = RM1 550 - RM1 050 = RM500 | 1m |
| | (ii) Harga jual TV = RM1 500 + RM250 = RM1 750 | 2m |
| 12 | (a) 1:45 petang/p.m. @ Jam 1345 | 1m |
| | (b) Jam 1345 + 15 minit = Jam 1400 | 2m |
| | (c) Jam 1400 + 2 jam 30 min + 30 min = 5:00 petang/p.m. @ Jam 1700 | 2m |
| 13 | (a) Isi padu P = 1 450 mℓ | 1m |
| | (b) Isi padu setiap botol = (1 450 + 750) mℓ ÷ 5 = 440 mℓ | 2m |
| | (c) Isi padu perlu dituang = (1 450 - 750) ÷ 2 = 350 mℓ / 0.35 ℓ | 2m |
| 14 | (a) Jisim ikan = 2.4 kg | 1m |
| | (b) Jisim 3 ayam = 2.4 kg x 3 = 7 200 g | 2m |
| | (c) Harga ikan = RM5.40 x 2.4 kg = RM12.96 | 2m |
| 15 | (a) 420 cm | 1m |
| | (b) Baki reben = $\frac{3}{4}$ x 4.2 m = 3.15 m | 2m |
| | (c) Z = 315 - (95 + 140) = 80 cm | 2m |

Portal KSSR